

## SET 7

### Soalan 1

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kebaikan-kebaikan mandi dan faktor-faktor yang menghalang seseorang daripada mandi. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Mandi merupakan amalan yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Mandi bermaksud mencuci atau membasuh tubuh badan dengan air. Namun, ramai yang kurang menyedari bahawa manusia perlu mandi pada setiap hari. Cara mandi yang terbaik adalah dengan menyiram air bermula dari bahagian bawah iaitu kaki dan kemudiannya membawa ke bahagian atas tubuh badan. Sekiranya seseorang itu tidak suka mandi, lapisan kotor semakin menebal dan menjadikan kotoran sukar untuk dibersihkan. Bagi mengelakkan kotoran semakin menebal, sudah pastilah seseorang itu perlu mandi sekerap mungkin untuk menjaga kebersihan dirinya. Secara tidak langsung mandi dapat menyegarkan tubuh badan.

Dari sudut saintifik, mandi dapat meningkatkan sistem imunisasi tubuh badan manusia untuk membina daya ketahanan badan yang tinggi bagi melawan penyakit. Kebanyakan penyakit kronik seperti penyakit diabetes, hipertensi, kegagalan buah pinggang dan masalah kardiovaskular muncul daripada kegagalan sistem imun dalam badan, cara pemakanan dan gaya hidup kita. Mereka yang malas mandi menyebabkan banyak kotoran melekat di tubuh dan mudah dijangkiti penyakit kulit. Di samping itu, mandi dapat membuang kotoran dan bakteria halus yang sukar dilihat pada kulit. Orang yang tidak mandi selama beberapa hari menyebabkan bau badan yang kurang menyenangkan dan berpeluh menjadikan tubuh badan lebih kotor daripada biasa. Hal ini berlaku kerana proses percampuran bakteria dan hasil metabolisme yang berupa protein serta asid lemak dengan rerambut kulit.

Bagi seseorang yang mengalami tekanan mental dan fizikal, mandi dapat meredakan tekanan dan menghilangkan stres kerana air yang mengalir di tubuh akan melancarkan kembali peredaran darah. Dengan itu, seseorang akan berasa lebih yakin dan gembira ketika bersama-sama keluarga dan rakan. Hal ini mendorong kepada aktiviti sihat seperti slogan yang selalu diuar-uarkan "badan cergas otak sihat". Mandi dengan air suam juga dapat membuka liang roma untuk mengeluarkan racun dari badan. Hal ini demikian kerana, seseorang yang kurang melakukan aktiviti fizikal, tetapi dengan mandi mereka masih dapat menyingkirkan toksin yang terkumpul di dalam badan. Oleh itu, orang yang mandi dapat menjaga kesihatan dirinya sepanjang masa dan mengelakkan berlakunya masalah kesihatan yang lain.

Terdapat beberapa kajian menunjukkan bahawa mandi mampu menyembuhkan penyakit kencing manis kepada penghidapnya. Apabila seseorang pesakit kencing manis mandi dan berendam di dalam air suam selama setengah jam, paras gula dalam darah dapat diturunkan. Begitu juga bagi penghidap penyakit jantung, dengan mandi dan berendam dalam air suam dapat memperbaiki kesihatan jantung supaya jantung dapat *berfungsi dengan elok*. Sesungguhnya, kepentingan dan manfaat mandi begitu meluas kepada manusia.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Mandi Meningkatkan Sistem Imunisasi Badan'  
oleh Salleh Hashim,  
Dewan Siswa, Disember 2015

## Soalan 2 : Pemahaman

[ 35 markah ]

### Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *berfungsi dengan elok*. [2 markah]

(ii) Pengarang mengemukakan beberapa kesan sekiranya seseorang itu malas mandi.

Nyatakan kesan-kesan tersebut. [3 markah]

(iii) Mandi merupakan salah satu cara untuk mengekalkan keadaan tubuh badan yang sihat.

Pada pendapat anda, selain mandi dengan lebih kerap, apakah cara-cara lain yang boleh dilakukan untuk mengekalkan tubuh badan yang sihat?

Berikan **tiga** cara. [4 markah]

### Soalan 2 (b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya

Malam terakhir di Istanbul, Kak Chah yang sebilik denganku tidur awal. Pasti kepenatan selepas berjalan mengelilingi kota bersejarah itu. Aku menyusun barang-barang yang akan dibawa pulang. Tiga buah buku, enam belas helai baju-T, tujuh kotak manisan lokum, dua kotak teh epal, sepuluh utas rantai kunci, lapan batang senduk kayu bertulis ayat al-Quran, empat keping pelekat magnet, tiga utas gelang manik, lima buah anak patung Turki, dan sebotol orga. Kesemuanya tidak menurut jumlah yang telah aku rancangkan. Bermakna, banyak yang tidak akan mendapat cenderamata sekembalinya aku dari Turki.

Sebenarnya, duitku cuma tinggal USD70 selepas aku membeli jaket kulit kijang (aku mengetahui jenisnya setelah Encik Yuksel meneliti jaket tersebut). Aku memandang jaket yang kini terletak di atas katil. Aku hanya membayar USD100 kepada Shahmeem. Dia mengurangkan USD20 daripada harga pasaran gelap sebagai tanda terhutang budi.

Aku tidak nampak praktikalnya jaket itu untuk kegunaan harian di Malaysia. Memakainya pasti akan membuat diri berasa panas dalam cuaca terik di tanah air. Jika keluar negara, jaket itu cuma sesuai dipakai pada musim sejuk.

Menjaganya pasti memerlukan kerapian. Tidak boleh dibasuh. Tidak boleh dilipat sembarangan, Walaupun harganya mahal, jaket kulit bukannya sesuatu yang tahan lasak. Kainnya mudah carik dan jika koyak, tidak dapat dijahit dengan benang.

Dipetik daripada drama 'Jaket Kulit Kijang Dari Istanbul'  
oleh Maskiah Haji Masrom  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan petikan, mengapakah Aku menyatakan bahawa jaket itu tidak praktikal untuk kegunaan harian di Malaysia? [2 markah]
- (ii) Aktiviti melancong memberikan pelbagai manfaat kepada masyarakat.

Pada pendapat anda, apakah persediaan-persediaan yang perlu kita lakukan sebelum melancong ke luar negara? [3 markah]

- (iii) Huraikan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** latar masyarakat yang lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

## Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional

*Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Setelah habislah dikenalnya segala yang empunya maka titah raja, "Hai segala kamu sekalian, hendaklah segala harta ini dibahagi tiga, dua dibahagi akan Laksamana, sebahagi akan orang yang empunya harta, kerana harta ini sudahlah hilang beroleh akan Laksamana."

Maka sembah orang itu, "Daulat tuanku, mana titah patik junjung."

Maka sembah Laksamana, "Ya, tuanku, jika demikian, sahaja aniyalah duli yang maha mulia dan *dukacitalah sekalian empunya harta*. Yang sebahagi itu akan patik. Dalam pada itu pun, mana kasih hatinya hendak memberi akan patik,"

Maka titah baginda, "Hai segala kamu, sukakah seperti kata Laksamana ini?"

Maka, sembah mereka itu, "Sukalah patik sekalian memberikan Laksamana." Demi Allah dan Rasul-Nya dengan tulus ikhlas hati patik sekalian." Masing-masing pun memberikan segala hartanya akan Laksamana.

Maka Laksamana pun membahagi tiga, diambil oleh Laksamana harta itu sebahagi. Maka yang sebahagi Laksamana ambil itu dibahagi tiga pula; yang sebahagi itu didermakan pada segala fakir miskin dan yang sebahagi lagi diberikan pada segala pegawai yang tiada

penguasaan dan sebahagi diberikan pada segala orangnya. Maka segala harta itu pun habislah, suatu pun tiada diambil oleh Laksamana.

Dipetik daripada 'Kepimpinan Melalui Teladan'  
dalam antologi *Jaket Kulit* dari Istanbul,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud rangkai kata *dukacitalah sekalian empunya harta* [2 markah]
- (ii) Jelaskan cara pembahagian harta yang dicadangkan oleh baginda raja? [3 markah]
- (iii) 'Maka segala harta itu pun habislah, suatu pun tiada diambil oleh Laksamana'.  
Pada pendapat anda, mengapakah Laksamana berbuat demikian? [3 markah]

### Soalan 2(d) – Syair

Baca syair di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri

#### Syair Bidasari

Dengarkan tuan suatu riwayat,  
Raja di desa Negeri Kembayat,  
Dikarang fakir dijadikan hikayat,  
Supaya menjadi tamsil ibarat.

Beberapa lamanya dalam kerajaan,  
Baginda duduk bersuka-sukaan,  
Datanglah beroleh kedukaan,  
Baginda meninggalkan takhta kerajaan.

Ada raja suatu negeri,  
Sultan *halifah akas* bestari,  
Asalnya baginda raja yang bahari,  
Melimpah *ngadil* dagang senter.

Datanglah kepada suatu masa,  
Melayanglah unggas dari angkasa,  
Unggas *gurda* sangat perkasa,  
Menjadi negeri rosak binasa.

Hairan orang empunya temasya,  
Baginda itulah raja perkasa,  
Sangat tiada merasai susah,  
Entah pada esok dan lusa.

Datanglah menyambar suaranya bahana,  
Gemparlah sekalian mulia dan hina,  
Seisi negeri gundah-gulana,  
Membawa diri ke mana-mana.

Seri sultan raja bestari,  
Setelah ia sudah beristeri,  
Beberapa bulan beberapa hari,  
Hamillah puteri permaisuri.

Baginda pun sedang dihadap orang,  
Mendengar gempar seperti perang,  
Bertitah baginda raja yang garang,  
"Gempar ini apakah kurang."

**Jamilah Hj. Ahmad (Penyelenggara)**  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan syair tersebut, apakah yang berlaku apabila burung garuda datang menyerang Negeri Kembayat? [2 markah]
- (ii) Raja Negeri Kembayat digambarkan sebagai seorang raja yang adil. Pada pendapat anda, apakah tindakan-tindakan yang patut dilakukan oleh rakyat sebagai tanda menyayangi seorang raja? [3 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** nilai yang terdapat dalam syair di atas. [4 markah]

### Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[ 30 markah ]

Jawab **semua** soalan.

- (a) Tulis **satu ayat bagi setiap perkataan** di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) penat
- (ii) kepenatan
- (iii) lembap
- (iv) kelembapan
- (v) jatuh
- (vi) kejatuhan

[6 markah]

- (b) Tukarkan ayat majmuk yang terdapat dalam petikan di bawah supaya menjadi **enam ayat tunggal** tanpa mengubah maksud dan struktur asalnya.

Pengaruh Internet banyak menghakis kesantunan dalam pertuturan lisan dan perlakuan. Hal ini demikian kerana mereka banyak terdedah kepada bahasa singkatan atau bahasa rekaan sendiri. Oleh itu, sebelum bahasa kita terus tercemar tindakan pencegahan perlu dilaksanakan untuk menangani masalah ini.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

- (i) Ramai murid yang sanggup tidak menghadiri kelas tiusyen anjuran Persatuan Ibu Bapa dan Guru di sekolah itu kerana mereka ingin berkunjung ke kafe siber untuk melayar Internet.
- (ii) Oleh sebab kegiatan pembalakan haram mendatangkan kerugian kepada hidupan manusia dan ekosistem semulajadi, maka kita perlu mencari jalan penyelesaiannya.
- (iii) Jangka hayat seseorang yang dikategorikan mempunyai tahap kecergasan yang maksimum adalah lebih panjang jika dibanding dengan individu yang mempunyai tahap kecergasan yang minimum.

[6 markah]

- (d) *Dalam petikan di bawah, terdapat **tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.*

Waktu makan bersama-sama keluarga merupakan masa yang berkuantiti. Ketika makan, ibu bapa dapat berinteraksi dengan anak-anak. Peristiwa yang menarik di sekolah, perkara yang menggembirakan atau menyedihkan anak-anak atau cerita tentang semua rakan-rakan rapat mereka merupakan topik yang boleh mereka bincangkan. Secara tidak langsung, ibu bapa juga boleh mengesan pekerjaan harian anak-anak terutamanya yang telah memasuki zaman remaja. Kajian juga menunjukkan bahawa lebih selalu ahli keluarga makan bersama-sama, maka lebih rendahlah kemungkinan anak-anak terbabat di dalam gejala sosial.

[6 markah]

- (e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.*

- (i) Setelah bersara daripada jawatan pegawai tinggi kerajaan, Ahmad telah kembali menetap di kampung halamannya semula. Namun, sikapnya yang dapat menyesuaikan diri di tanah kelahirannya itu, dia telah diterima dengan mudah oleh masyarakat di kampung tersebut.
- (ii) Mak Cik Samsiah berasa terlalu sedih apabila anak bongsunya yang dipelihara dan dididik dengan penuh kasih sayang telah mencemarkan nama baik keluarganya apabila didapati bersalah oleh mahkamah atas kesalahan jenayah juvana.
- (iii) Ibu telah menasihati Halim supaya sentiasa menjaga tingkah laku dan tutur kata semasa bekerja di tempat baharu supaya dirinya sentiasa dihormati dan disegani oleh rakan-rakan sekerjanya.

[6 markah]

#### Soalan 4 : Novel

[15 *markah*]

Jawab soalan- soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (iv) Jendela Menghadap Jalan karya Rohani Matdarin
- (v) Tirani karya Beb Sabariah
- (vi) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (vii) Silir Daksina karya Nizar Parman
- (viii) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip

(a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** latar tempat yang terdapat dalam novel tersebut [7 *markah*]

(b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa pada bahagian peleraian yang memberi teladan kepada pembaca [8 *markah*]

**KERTAS SOALAN TAMAT**